

Falwell jahil Islam sebenar — PM

UM 6 OCT 2002

Oleh HAMDEN RAMLI

KUALA LUMPUR 5 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, paderi Kristian, Jerry Falwell yang melabelkan Nabi Muhammad s.a.w sebagai pengganas merupakan seorang ekstremis Kristian yang jahil tentang Islam.

Perdana Menteri berkata, Falwell tidak memahami ajaran agama Islam yang sebenar dan tidak berhak membuat tanggapan umum sedemikian memandangkan keganasan turut dilakukan oleh penganut agama lain.

“Dia tidak faham apa, tidak faham agama Islam (kerana) orang pelampau ada dalam mana-mana agama pun jadi tidak boleh menuduh orang Islam sahaja ekstremis,” katanya.

Ketika ditanya sama ada kenyataan Fal-

well itu menunjukkan beliau seorang ekstrem Dr. Mahathir berkata: “Untuk orang itu (Falwell) sahaja, saya tidak akan melabelkan semua orang Kristian ekstrem hanya kerana seorang sahaja yang membuat kenyataan sebegini.”

Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan ke-31 Parti Gerakan Rakyat Malaysia di Menara PGRM di sini hari ini.

Beliau mengulas laporan *Utusan Malaysia* hari ini mengenai kenyataan menghina Nabi Muhammad s.a.w oleh Falwell yang akan disiarkan oleh stesen televisyen CBS di Amerika Syarikat.

Falwell berkata, beliau berpendapat Nabi Muhammad adalah seorang pengganas yang keras dan suka berperang selepas membaca tulisan penulis-penulis Islam dan bukan Islam mengenai Baginda.

CBS semalam menerbitkan sebahagian daripada salinan wawancara itu yang menimbulkan persoalan terhadap motif sebenar stesen berkenaan.

Komen Falwell yang dikatakan mempunyai ramai pengikut dibuat dalam satu segmen mengenai sokongan ahli-ahli politik Kristian konservatif AS terhadap Israel.

Ditanya sama ada penyiaran wawancara itu merupakan satu muslihat licik pihak tertentu di AS, Perdana Menteri berkata, beliau tidak pasti apa motif CBS selaku sebuah stesen televisyen berpengaruh di negara itu berbuat demikian.

“Saya tidak tahu, saya tidak boleh baca hati mereka.

“Tetapi kadang-kadang kita tengok orang lain siar pun, kita tak harus ambil berat sangat tentang perkara itu,” ujar Perdana Menteri lagi.